

# **PENGALAMAN PEMBAKUAN BAHASA (MELAYU) - di [Indonesia, Malaysia dan] SINGAPURA**

---

**Oleh: Hj Muhd Ariff Ahmad  
Toko Bahasa, Singapura**

## **0. PENDAHULUAN**

01. Memang topik forum ini ialah Pengalaman Pembakuan Bahasa di Indonesia, Malaysia dan Singapura. Namun, oleh sebab wakil-wakil Indonesia dan Malaysia turut menyertai forum ini, maka saya hanya akan membicarakan pengalaman Pembakuan Bahasa di Singapura sahaja.

02 Sudah pasti frasa Pembakuan bahasa itu sesuatu yang mengenai proses ke arah pembentukan bahasa baku. 'Bahasa baku' ialah bahasa yang sekata atau standard digunakan dan dituturkan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Apabila seseorang menulis atau bertutur dalam bahasa baku, maka

- kamusnya, yakni kosa katanya - sama ada kekata umumnya mahupun kekata istilahnya - haruslah baku;
- tata bahasanya - termasuk morfologi dan sintaksisnya - haruslah baku;

- ejaannya [bagi bahasa tulisan] haruslah baku; dan
- sebutannya [bagi bahasa lisan] haruslah baku.

## **1. Latar belakang Pembakuan Bahasa**

03. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu se-Malaya ke-3 (KBPMM3) yang juga disertai beberapa bahasawan Indonesia<sup>1</sup> telah diadakan di Singapura dan Johor Bahru pada 16 Hingga 21 September 1956. KBPMM3 telah merumuskan bahawa :

*Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia itu hanya berbeza pada nama sahaja kerana perbezaan politik Indonesia dan Tanah Melayu; dan daerah dan Belanda<sup>2</sup>. Di samping itu terdapat perbezaan sistem ejaan bagi kedua-dua bahasa itu.*

04. Tentang bunyi bahasa Melayu pula, KPBMM3 merumuskan

- Menurut pendapat sidang C(i), anggapan lama bahawa bunyi bahasa Melayu yang standard ialah loghat Riau-Johor tidak sesuai lagi dengan bahasa Melayu pada masa ini.
- Melihat hal itu dan setelah mempelajari kertas kerja bilangan 19 dan kertas kerja bilangan 1<sup>3</sup> mengenai soal-soal bunyi bahasa Melayu dalam ucapan, maka Jawatankuasa Ejaan dan Bunyi Bahasa ini menganjurkan supaya vokal /a/ dalam suku kata hidup yang akhir dalam sesuatu perkataan dibunyikan 'a' buken 'e' (misalnya apa di bunyikan apa bukan ape)<sup>4</sup>.

1 Antara bahasawan Indonesia yang menyertai Kongres itu ialah Suta Mohd Zain, A Prijana, Amin Singgih, HAMKA (Haji Abdul Malik Karim Amrullah) dan lain-lain.

2 Bach Nadwah Sastera, Dinamika Budaya terbitan Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura, 1992, halaman 221

3 kertas kerja bilangan 1 telah dikemukakan Persatuan Bahasa Melayu University Malaya, Singapura; manakala kertas kerja bilangan 19 telah dikemukakan Asraf dari Angkatan Sasterawan 50.

4 Bacalah Memoranda Angkatan Sasterawan 50 terbitan Pustaka Pedoman, Oxford Universiti Press, Kuala Lumpur, 1962, halaman 265.

05. Antara empat aspek bahasa - kamus, tata bahasa, ejaan dan sebutan - itu, perbezaan sangat ketara pada sistem ejaan dan sebutan . Pada kamus dan tata bahasa terdapat juga beberapa perbezaan tetapi tidak begitu menonjol seperti yang kelihatan pada ejaan dan sebutan. Maka itu kerjasama pembakuan bahasa antara Malaya dengan Indonesia dimulakan dengan menyekatakan sistem ejaan.

## 2. Pembakuan Ejaan Melayu-Indonesia

06. LTK (Lembaga Tetap Kongres) KBPMM3 telah melantik satu 'jawatankuasa ejaan' dianggotai tujuh orang (termasuk pengurus) untuk berunding dengan 'team bahasa Indonesia' mengenai penyekataan ejaan rumi yang dipakai di Malaya dan di Indonesia. Kemudian, dalam tahun 1957, Jawatankuasa itu, telah disahkan dan dilantik kerajaan PTM (Persekutuan Tanah Melayu) sebagai Jawatankuasa Ejaan Rumi Baharu PTM.<sup>5</sup> Singapura telah diwakili 3 orang jawatankuasa itu.

07 Jawatankuasa itu telah ditugaskan supaya

- memeriksa dan menimbangkan ketetapan-ketetapan yang telah di ambil dalam KBPMM3 (1956) berkenaan dengan ejaan Rumi dan penyatuannya dengan ejaan bahasa Indonesia;
- mendatangkan syor-syor berkenaan dengan masa dan cara-cara bagi melaksanakan ejaan yang baharu itu.<sup>6</sup>

08. Jawatankuasa Ejaan Rumi Baharu PTM telah berunding dengan Panitia Ejaan Latin Republik Indonesia yang dipengerusikan Prof Dr Slametmuljana di Jakarta dari 4 hingga 7 Disember 1959. Perundingan JKerb PTM dengan PELRI itu telah merumuskan:

5 Kuala Lumpur, 1962, halaman 265. Anggota JKerb, PTM itu ialah: Syed Nasir Ismail (Pengurus), Aminuddin Bakri(PTM), Zainal Abidin Ali (PTM), Mohd Nur Ahmad (PTM), Biyong Adil (Spura), Mahmud Ahmad (Spura) dan Ramli Abdul Hadi (Spura). Pendita Za'ba (Zainal Abidin Bin Ahmad) ialah penasihat Jawatankuasa itu.

6 Abdul Hadi (Spura). Pendita Za'ba (Zainal Abidin Bin Ahmad) ialah penasihat Jawatankuasa itu. Baca 'Laporan tentang Ejaan Melindo' tertanda tangan pada 7 Disember 1959 di Jakarta.

*Setelah Panitia Gabungan Ejaan Melayu-Indonesia yang terdiri dari Jawatankuasa Ejaan Rumi Baharu PTM dan Panitia Ejaan Latin Republik Indonesia bersidang terturut-turut mulai 4 sampai 7 haribulan Disember 1959, keputusan ini telah diambil:*

- *Ejaan Melayu-Indonesia dengan huruf Rumi atau Latin yang diusahakan oleh Panitia Gabungan Ejaan dari PTM dan Republik Indonesia, disebut **Ejaan Melayu-Indonesia**. Nama itu jika disingkatkan menjadi **Ejaan Melindo**.*
- ***Ejaan Melindo** berbeza dengan ejaan Melayu dan ejaan Indonesia yang berlaku hingga sekarang. Perubahan ini demi penyamaan kedua ejaan bahasa tersebut.*
- *Ketetapan-ketetapan **Ejaan Melindo** ini, di antaranya ada yang merupakan perubahan dalam ejaan Indonesia tetapi tidak merupakan perubahan dalam ejaan Melayu yang berlaku hingga sekarang. Kebalikannya ada pula ketetapan-ketetapan yang dalam ejaan bahasa Melayu merupakan perubahan tetapi dalam ejaan Indonesia tidak.*
- *Beberapa banyak teknik ejaan yang disebut **Ejaan Melindo**.*
- ***Ejaan Melindo** akan diumumkan oleh pemerintah masing-masing yang bersangkutan pada waktu yang sama.*
- *Dengan pengumuman kedua belah pihak tersebut di atas, maka perundingan mengenai ejaan Melayu-Indonesia telah selesai.<sup>7</sup>*

09. Hasil perundingan penyamaan ejaan Melayu-Indonesia itu telah ditandatangani Syed Nasir Ismail bagi pihak PTM, dan Dr Slametmuljana bagi pihak Indonesia, di Jakarta pada 7 Disember 1959. Khabarnya, kata sepakat telah diperoleh bahawa ejaan Melindo akan mula

---

7. *Idem.*

digunakan serentak di Tanah Melayu dan Indonesia pada 1 Januari 1964.

10. Malangnya [malang bagi ejaan Melindo] apakala tertubuh negara Malaysia [Persekutuan Tanah Melayu + Singapura + Sabah + Sarawak] pada 16 September 1963, Pemerintah Indonesia telah melakukan konfrontasi terhadap Malaysia. Maka persetujuan hendak melaksanakan bersama ejaan Melindo pada 1 Januari 1964 itu pun terhencatlah. Singapura yang pada masa itu menjadi anggota Persekutuan Malaysia turut terkonfront sama.

11. Sejarah mencatatkan bahawa pada 9 Ogos 1965 Singapura telah keluar dari Persekutuan Malaysia dan merdeka sebagai sebuah negara Republik. Dan, pada 26 Januari 1966, suatu Jawatankuasa Ejaan Rumi Bahasa Kebangsaan telah ditubuhkan Kementerian Kebudayaan Singapura, untuk merekomendkan satu sistem ejaan Rumi bagi bahasa Kebangsaan (Melayu) Singapura.

12. LTK Singapura telah menganjurkan Kongres Bahasa Kebangsaan Singapura mulai 16 hingga 19 Ogos 1966. Ejaan Rumi cadangan Jawatankuasa Ejaan itu dan Ejaan Rumi cadangan Cikgu Mahmud b Ahmad telah dibincangkan dalam Kongres tersebut; namun, para kongresten lebih berkenan akan sistem Ejaan Melindo yang telah diputuskan pada 7 Disember 1959 dahulu. Kongres telah menggesa LTK atau jawatankuasa yang akan dilantik Kongres menghubungi pihak Melindo untuk menjadikan ejaan itu **Ejaan Melindos** (Melayu-Indonesia-Singapura).

13. Pada 27 Jun 1967 team bahasa KOTI (Korp Operasi Tentara Indonesia) telah datang ke Kuala Lumpur, membaharui persetujuan kerjasama kebahasaannya dengan Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia. Persetujuan ahli-ahli bahasa Malaysia-KOTI telah dimeterai dalam komunike bersama yang ditandatangani Menteri Pelajaran Kerajaan Malaysia,

Hussein Onn dan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, Mashuri pada 23 Mei 1972; dan diikuti dengan penubuhan MBIM (Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia) pada 29 Disember 1972.<sup>8</sup>

14. Sebelum tertubuh MBIM, panitia bahasa Malaysia-KOTI telah 'menyempurnakan' ejaan Melindo dengan beberapa perubahan mengenai *partikal*, *klisis*, *konsonan geluncur* dan beberapa hal lagi. Ejaan Malaysia-KOTI itu tercetak dalam dua versi: *sistem ejaan rumi baharu bahasa Malaysia* diterbitkan DBP Kuala Lumpur untuk kegunaan Malaysia, dan *pedoman edjaan bahasa Indonesia yang disempurnakan* diterbitkan Kedutaan Besar Republik Indonesia Singapura. Kedua-dua risalah itu diterbitkan dalam tahun 1972.

15. Indonesia dan Malaysia telah sama-sama menggunakan Ejaan Malaysia-KOTI [sekarang disebut **Ejaan Baku Bahasa Melayu**] mulai 16 Ogos 1972, manakala Singapura telah rasmi menggunakan ejaan baku itu semenjak Januari 1977.<sup>9</sup>

16. Pada saat-saat permulaan penggunaan ejaan baku itu banyak juga kerentah penggunanya. Ada yang kurang senang menerima perubahan sistem ejaan [terutama yang mengenai penggunaan konsonan /c/ menggantikan /ch, penggunaan /k/ menggantikan /'/ dan tentang penggunaan 'di' (imbuhan) dan 'di' (kata depan)]. Tetapi, Alhamdulillah! Sungutan-sungutan terhadap perubahan [sebenarnya: penyempurnaan] semakin berkurangan dan akhirnya mereka terima ejaan baku itu.

17. Memanglah, kadang-kadang menerima perubahan itu merupakan suatu penyiksaan. Tetapi, perubahan sistem ejaan bahasa Melayu dari ejaan lama ke ejaan baku itu

8 Baca **Naskah Pengkategorian Keputusan Umum Sidang ke-1 sampai ke-21 MBIM**, terbitan Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia yang dikemukakan kepada Sidang ke-23 MBIM di Kuala Lumpur 25-29 Mac 1985.

9 Baca **Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia**, terbitan DBP Kuala Lumpur. Cetakan pertama 1981.

bukanlah perubahan yang pertama. Sebenarnya, semenjak huruf Rumi mula-mula digunakan untuk mengeja sekata bahasa Melayu pada 1516, hingga ke ejaan baku ini, sudah 22 kali berlaku perubahan bentuk ejaannya.<sup>10</sup>

18. Sehubungan dengan pergunaan **ejaan baku** itu Kementerian Kebudayaan Singapura telah menubuhkan suatu **Jawatankuasa Ejaan** [Melayu] pada tahun 1981, untuk memastikan [terutama dalam masa peralihan dari ejaan lama ke ejaan baku itu] bahawa ejaan baku digunakan dengan betul dalam semua penulisan rasmi bahasa Melayu di Singapura.
19. Pada tahun 1982, Majlis Pusat pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura telah menganjurkan suatu 'Bulan Bahasa' dengan slogan *gunakan bahasa Melayu yang betul*. Bulan Bahasa itu telah mengemparkan penggunaan bahasa Melayu yang bertata bahasa, bukan bahasa Melayu yang tercemar oleh pelbagai unsur sosial; dan apabila menulis, ejaan baku hendaklah digunakan.
20. Pada tahun 1983, memandangkan fungsinya yang bertambah, Jawatankuasa Ejaan itu dipinda menjadi **Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura. JBMS** mengandungi Jkk (*Jawatankuasa Kecil*) Ejaan, Jkk Istilah dan Jkk tata bahasa. JBMS menerbitkan jurnal bahasanya, '**sekata**', dua kali setahun. Mulai 1985 hingga kini JBMS sentiasa mewakili pemerintah Singapura, menghadiri sidang-sidang MBIM/MABBIM sebagai pemerhati.
21. Pada 29 November 1992, dalam satu simposium 'sebutan baku bahasa Melayu', oleh sebab di Kementerian Pendidikan pun ada JBMnya, dan sesuai pula dengan fungsinya yang semakin bertambah [mulai 1993 Jawatankuasa ini menguruskan juga kempen Bulan

---

<sup>10</sup> Lihat lampiran I di akhir kertas kerja ini.

Bahasa berselang-seli dengan penganuegrahan 'hadiah sastera' dan 'anugerah persuratan'], maka nama JBMS itu telah diubah pula menjadi **MBMS** (Majlis Bahasa Melayu Singapura).

### 3. Pembakuan Tata Bahasa

22       Oleh sebab tata bahasa merupakan suatu ilmu, suatu teori yang harus dipelajari pelajar-pelajar bahasa, maka masalah tata bahasa itu, nampaknya, tidak pernah menjadi perbincangan pengguna umum. Para pengguna umum hanya berbahasa secara wajar mengikut yang lazim, sesuai dengan maksudnya sebagai alat komunikasi. Oleh sebab itu mereka tidak begitu sedar akan perubahan dan pembakuan yang berlaku dalam tata bahasa, sebagaimana yang mereka sedari tentang pembakuan ejaan dan sebutan.

23. Setakat ini, tata bahasa itu hanya menjadi bahan perbincangan antara ahli-ahli bahasa dan guru-guru bahasa sahaja. Ahli-ahli membincangkan tata bahasa itu tentang teori, tentang sistem dan tentang bagaimana hukum-hukum itu dipatuhi pengguna ketika mereka berbahasa. Guru-guru pulă membincangkan tata bahasa itu dari segi pedagogi, tentang penerapannya dan tentang metodologi bagaimana harus mereka sampaikan teori dan sistem tata bahasa itu kepada pelajarnya supaya pelajar itu dapat berbahasa dengan baik.

24. Menerusi karyanya 'Hikayat Abdullah' [terkarang 1858] Abdullah b Abdul Kadir Munsyi berkata bahawa dia terpaksa belajar nahu bahasa Inggeris dan hendak me-Melayukan nahu Inggeris itu kerana bahasa Melayu tidak ada nahu. "Itulah sebabnya," kata Abdullah Munsyi, "kebanyakkan orang Melayu pergi belajar bahasa Arab. Maka iaitu bukan barang-barang susahnya!"

25. Kenyataan Abdullah tadi menunjukkan seolah-olah belum ada nahu atau tata bahasa Melayu yang ditulis orang pada zaman itu. Sebenarnya, setahun sebelum Abdullah menyatakan demikian, iaitu pada tahun 1857, seorang sasterawan Melayu, Raja Ali Haji b. Ahmad telah menghasilkan sebuah buku nahu bahasa Melayu yang diberi nama **Bustanul-Katibin**. Bagaimanapun, Bustanul-Katibin menghuraikan nahu Melayu dengan hukum nahu bahasa Arab. Raja Ali Haji menjelaskan kata-kata Melayu kepada tiga kelas sahaja, iaitu *nomina*, *verba* dan *partikal* sahaja.<sup>11</sup>

26. Malah, Harun Aminurrashid telah merakamkan dalam bukunya **Kajian Sejarah Perkembangan bahasa Melayu**, tercetak oleh Pustaka Melayu Singapura 1966, bahawa buku-buku nahu Melayu yang ditulis sarjana Barat ialah :

- 1976 : **Maleische Sparaakunt** ditulis G H Werndly,
- 1812 : **Grammar & Dictionary Malay Language** ditulis W Marsden,
- 1876 : **Grammaire de la Langue Malaise** ditulis L'Abbe P Fabre,
- 1899 : **Practical Malay Grammar** ditulis W G Shellabear, dan
- 1914 : **A Malay Mannual** ditulis W E Maxwell

27. Dr Harimurthi Kridalaksana pula, menerusi tulisannya dalam Jurnal Dewan Bahasa November 1989, berjudul Sejarah Pembahagian Kelas Kata dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, telah menderetkan buku-buku tata bahasa Melayu/Indonesia yang tertulis sehingga 1915 ialah sebagai berikut :

- 1653 : karya Joannes Roman
- 1736 : karya G H Werndly

---

<sup>11</sup> **Bustanul-Katibin** di cetak dengan nama Melayu *Pengetahuan Bahasa /Kamus Loghat Melayu Johor, Pahang, Riau dan Lingga/* di Matbaah Al-Ahmadiyah Singapura 1928.

- 1812 : karya William Marsden  
 1852 : karya John Crawfurd  
**1857 :** **karya Raja Ali Haji**  
 1881 : karya JJ de Hollander  
 1889 : karya Gerth van Wijk  
**1910:** **karya Koewatin Sasrasoeganda**  
 1914 : karya R O Winstedt  
 1915 : karya Ch A van Ophuijsen

28. Dari deretan nama-nama di atas, ternyata bahawa antara karya sarjana-sarjana Barat sehingga tahun 1910 itu terdapat dua orang bahasawan Melayu/Indonesia yang menghasilkan buku tata bahasa Melayu dalam bahasa Melayu. Mereka itu ialah Raja Ali Haji telah menghasilkan 'Bustanul-Katibin' pada 1857, dan Koewatin Sasrasoeganda telah menghasilkan '*Kitab yang Menyatakan Djalan Bahasa Melayu*' pada 1910.

29. Kemudian daripada itu, kita didatangi pula buku-buku tata bahasa Melayu yang berbahasa Melayu, iaitu buku-buku :

- 1937 : **Jalan Bahasa Melayu**  
           karya Datuk Haji Mohd Said Sulaiman  
 1940 : **Pelita Bahasa Melayu**  
           [jawi] karya Za'ba (Zainal Abidin b Ahmad)  
 1943: **Djalan Bahasa Indonesia**  
           karya Sutan Muhammad Zain  
 1947 : **Pelita Bahasa Melayu I** [rumi] karya Za'ba  
 1948 : **Pelita Bahasa Melayu II**  
           [rumi] karya Za'ba  
 1949 : **Pelita Bahasa Melayu III**  
           [rumi] karya Za'ba  
 1953 : **Tatabahasa Baru Bahasa Indonesia**  
           karya St Takdir Alisjahbana  
 1954 : **Pramasastera Landjut**  
           karya Madong Lubis  
 1955 : **Kaedah Bahasa Indonesia**  
           karya JR Poedjawijata-PJ Zootmuldar

- 1957 : **Kaedah Bahasa Indonesia**  
• karya Slametmuljana
- 1960 : **Jalan Bahasa Mudah**  
karya Muhammad Ariff Ahmad
- 1965 : **Asas Tatabahasa Melayu**  
karya Muhammad Ariff Ahmad
- 1980 : **Nahu Melayu Mutakhir**  
karya Asmah Haji Omar
- 1985 : **Nahu Melayu Moden**  
karya Liaw Yock Fang
- 1987 : **Tatabahasa Dewan I** karya Nik Safiah Karim, Farid Onn, Hashim Haji Musa dan Abd Hamid Mahmood
- 1988 : **Panduan Tatabahasa Melayu**  
terbitan Kader Bros Singapura
- 1988 : **Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia**  
karya Anto M. Moeliono dan lain-lain
- 1989 : **Tatabahasa Dewan II** karya Nik Safiah Karim, Farid Onn dan Hashim Haji Musa.

30. Oleh sebab perubahan dan **pembakuan tata bahasa** ini berlebar di sekitar bahasawan, pengajar dan pelajar bahasa, dan kebanyakannya dalam bentuk kuliah sahaja, maka tidaklah pernah pembakuan tata bahasa itu menjadi masalah atau perbincangan pengguna-pengguna umum bahasa Melayu.

#### 4. **Pembakuan kamus**

31. Sama halnya seperti pembakuan tata bahasa, **pembakuan kamus** ini pun tidak pernah dipersoalkan pengguna umum bahasa Melayu. Berpuluhan-puluhan, mungkin lebih dari 100 macam kamus bahasa Melayu yang telah diterbitkan . Ada kamus besar, ada kamus kecil, ada kamus ekabahasa, ada kamus dwibahasa, ada kamus istilah, ada kamus saku dan lain-lain.

32. Pada masa ini, kita sudah juga ada beberapa kamus peribahasa dan kamus ungkapan. Malah sudah juga kita punyai beberapa ensiklopedia dan dua buah tesaurus bahasa Melayu, bagi kegunaan dalam bahasa Melayu.
33. Bagaimanapun, dari antara banyak macam kamus itu ada dua buah kamus yang umumnya yang dianggap terbaku, serta menjadi pegangan/rujukan para guru dan bahasawan. Kamus-kamus itu ialah '**Kamus Dewan**' terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur dan '**Kamus Besar Bahasa Indonesia**' terbitan Departmen Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia di Jakarta.
34. Dalam pada itu, kata-kata istilah yang dianggap baku dan terpakai di Singapura pada umumnya ialah kumpulan-kumpulan istilah yang telah diputuskan MABBIM dan disenaraikan dalam daftar-daftar atau kamus-kamus istilah pelbagai bidang - sama ada oleh Malaysia atau oleh Indonesia.

## 5. Pembakuan sebutan

35. Pembakuan sebutan ini adalah langkah terakhir yang dilaksanakan Majlis Bahasa Melayu Singapura untuk menyempurnakan pembakuan bahasa Melayu walaupun keputusan hendak membakukannya itu telah diambil dalam KPBMM3 pada 1956 dahulu.
36. Menurut tradisi tak bertulis, dalam hal pembakuan bahasa ini, Singapura selalu bertindak setelah lima tahun hal itu dilakukan di Malaysia. Maka itu apabila Malaysia memperkenalkan penggunaan sebutan baku dalam pelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolahnya mulai tahun 1988, baru MBMS [dahulunya JBMS] memikirkan langkah-langkah yang harus diambil untuk melaksanakannya di Singapura.

37. Pada tahun 1990, JBMS telah mengisytiharkan bahawa penggunaan sebutan Melayu baku di Singapura

akan dilaksanakan dalam tempoh tiga atau lima tahun dari masa peristiwaran itu.

38. Sehubungan dengan itu, tema Bulan Bahasa yang biasa digunakan pada tahun-tahun sebelumnya, iaitu '*gunakan bahasa Melayu yang betul*' itu, telah dinatarkan menjadi *ke arah penyempurnaan bahsa baku* bagi Bulan Bahasa 1992. Frasa *penyempurnaan bahsa baku* itu memberi isyarat bahawa kita sedang bersedia hendak melancarkan penggunaan satu lagi aspek bahasa yang belum kita lakukan selama ini, iaitu **sebutan baku**.

39. Bulan Bahasa 1993 ini jelas bertemakan *gunakan bahasa baku* yakni mengempenkan supaya 'keempat-empat aspek bahasa baku itu harus digunakan' pada masa dan di tempat-tempat yang sesuai.

40. Dalam bulan Ogos 1992, satu misi bahasa dari JBMS dan JBM Kementerian Pelajaran Singapura telah pergi ke Kuala Lumpur dan ke Jakarta untuk meninjau pengalaman Malaysia dan Indonesia melaksanaan sebutan baku di wilayah masing-masing. Masalah dan maklumat yang diterima dari kedua wilayah itu telah kamijadikan panduan untuk memulakan usaha menggunakan sebutan baku di Singapura.

41. Dalam bulan September 1992, JBM Kementerian Pelajaran telah mengadakan seminar antara guru-guru bahasa Melayu membincangkan pelaksanaan sebutan baku di sekolah-sekolah mulai Januari 1993. Tidak ada seorang pun antara peserta seminar itu yang membantah rancangan pelaksanaan sebutan baku itu. Apa yang ditimbulkan kebanyakannya peserta ialah tentang bagaimana menyebut kekata itu dan ini dan tentang beberapa kesamaran tentang sebutan.

42. Dalam bulan November 1992, MBMS telah menganjurkan satu simposium sebutan baku untuk umum. Sambutan para peserta sama seperti sambutan guru-guru

dalam seminar yang dianjurkan JBM Kementerian Pelajaran dua bulan lalu.

43. Mulai dari persekolahan Januari 1993, penggunaan sebutan Melayu baku dalam pelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah telah dilaksanakan. Pemantauan terhadap pelaksanaan itu telah dilakukan Pegawai-pejawai Kementerian yang berkenaan, bersama dengan wakil-wakil MBMS dalam April 1993. Lapor balik yang diterima dari pemantau-pemantau adalah menggalakkan. Pemantauan bagi pusingan kedua telah mula dilaksanakan pada 3 Ogos ini.

44. Selain daripada pelaksanaan menerusi sekolah-sekolah, penyiar-penysiari rancangan di SBC bahagian Melayu sedang mempersiap diri untuk membolehkan mereka menyiaran rancangannya dengan sebutan baku selewat-lewatnya pada tahun 1995.

45. Jika pelaksanaan sebutan baku yang baru bermula semenjak enam bulan ini tidak menghadapi kendala yang berat. Insya Allah, mudah-mudahan, sebelum terbit fajar abad ke-21, satu generasi belia-belia kita sudah akan dapat berbahasa, yakni bertutur dan menulis dengan bahasa Melayu baku yang baik.

46. Sekian. Wabillahil-Hidayah wat-Taufiq.